

**Perkasa Pahang Buat Laporan Polis Dakwaan Persendakan Raja Melayu
Bernama
16 April , 2012**

KUANTAN, 16 April (Bernama) -- Perkasa Pahang Isnin membuat laporan polis berhubung dakwaan terdapat pemimpin pembangkang yang mempersenda dan mengejek Raja-Raja Melayu semasa istiadat pertabalan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah di Istana Negara pada 11 April lepas.

Ketua Penerangan Perkasa Pahang Muhammad Faiz Hassim berkata laporan polis itu dibuat supaya polis menyiasat dakwaan itu dan pihak yang terlibat diheret ke muka pengadilan sebagai satu pengajaran kepada generasi muda agar menghormati institusi Raja-Raja Melayu di negara ini.

"Kita meminta pihak polis untuk membuat siasatan yang serius terhadap dakwaan itu," katanya ketika ditemui pemberita di perkarangan ibu pejabat polis daerah Kuantan, di sini.

Muhammad Faiz berkata tindakan itu diambil berdasarkan laporan sebuah akhbar pada 13 April lepas berhubung dakwaan seorang pegawai perubatan yang mendengar beberapa pemimpin pembangkang bersikap biadap apabila mempersendakan Raja-Raja Melayu.

Beliau berkata jika dakwaan itu benar, Institusi Raja mungkin tidak akan dapat dipertahankan lagi dan laungan keramat 'Daulat Tuanku' tidak akan bergema lagi sekiranya pembangkang memerintah negara ini.

"Perkara itu perlu dipandang serius oleh semua pihak bagi menjaga kedaulatan agama, bangsa dan Institusi Diraja," katanya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=659389>